

# → PENDIDIKAN

## 11 pelajar UMP terima biasiswa MyGift RM400,000

BERITA HARIAN (PENDIDIKAN) 2 OKT 2016 m/s 24



**Sultan Ahmad Shah menyaksikan penyerahan cek RM13 juta** oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Seri Mohd Hilmey Mohd Taib (kanan) kepada Tengku Abdullah pada Majlis Santapan sempena Pelancaran MyGift UMP di Kuala Lumpur, semalam. Yang turut hadir Daing Nasir, Idris dan Adnan.

**Kuala Lumpur:** Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengumpul dana kira-kira RM13 juta menerusi Inisiatif MyGift sejak ia diperkenalkan tahun lalu.

Sumbangan itu diterima daripada 21 pihak membabitkan agensi awam, korporat dan Majlis Agama Islam di negeri-negeri. Hasil daripada inisiatif itu RM400,000 disalurkan kepada 11 pelajar di bawah endowmen biasiswa pendidikan.

Majlis penganugerahan biasiswa itu disempurnakan oleh Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah pada Majlis Santapan dan Jamuan Malam sempena Pelancaran inisiatif MyGift UMP, malam tadi.

Berangkat sama, Sultanah Pahang, Sultanah Kalsom bersama Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah dan Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Yang turut hadir, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh

dan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob.

### UMP mewujudkan Portal MyGift

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata dalam era digital ini, UMP mewujudkan Portal MyGift untuk memudah cara penyaluran sumbangan secara dalam talian bagi membolehkan dermawan membuat pilihan saluran sumbangan mereka.

“Terdapat 10 bentuk endowmen dan tabung disediakan di bawah Inisiatif MyGift untuk kesejahteraan mahasiswa, kecemerlangan akademik dan pembangunan komuniti,” katanya pada ucapan pelancaran Inisiatif MyGift.

Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) turut menunjukkan komitmen kepada inisiatif MyGift menerusi pembinaan kompleks asrama untuk asnaf bernilai RM4.9 juta di UMP.